



TERBABAS

SERAMAI 24 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) cedera apabila bas yang mereka nalki terbabas di susur keluar Jalan Sungai Tua, Ulu Yam dekat Batu Caves, Selangor, semalam. Bas terbabit dikatakan hilang kawalan sebelum merempuh pembahagi jalan dan terbabas. Pelajar yang menyertai program perkhemahan di kawasan Ulu Yam sejak tiga hari lalu sedang dalam perjalanan pulang ke kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan. [BERITA PENUH DI MUKA 16] - UTUSAN/IRWAN MAJID

Bas rombongan pelajar USIM terbabas, 9 cedera

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Sekumpulan 24 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhadapan detik cemas apabila bas yang dinaiki terbabas di Jalan Sungai Tua-Ulu Yam, Gombak dekat sini petang ini.

Bas yang membawa 24 pelajar USIM itu dalam perjalanan dari Kem Eco Ulu Yam menuju ke kolej mereka di Nilai, Negeri Sembilan dipercayai terbabas memasuki longkang kerana kerosakan brek pada pukul 4.30 petang.

Kemalangan itu yang menyebabkan sembilan orang cedera iaitu tujuh pelajar dan dua pemandu bas serta mengakibatkan kesesakan lalu lintas sehingga dua kilometer dari tempat kejadian.

Timbalan Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, empat daripada mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Kuala Lumpur manakala

selebihnya dihantar ke Hospital Selayang.

"Pihak bomba menerima panggilan pada pukul 4.42 petang dan jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Selayang tiba ditempat kejadian sembilan minit kemudian," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Menurut Mohd. Sani, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian itu.